

Newspaper	Harian Metro
Date	3 October 2015

Akhiri ketidakadilan

Metro - 3/10/2015

PBB, New York: Datuk Seri Najib Razak mengutuk kezaliman Tel Aviv di wilayah yang diduduki mereka dan menggesa supaya penyelesaian muktamad dicapai bagi mengakhiri ketidakadilan terhadap rakyat Palestin.

Perdana Menteri turut menyentuh ancaman kumpulan militan yang dikenali IS, yang tidak tahu ajaran Islam yang sebenar serta pengalaman sendiri Malaysia dalam membendung ekstremisme militan.

Berucap pada sesi ke-70 Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) di sini, Khamis, beliau berkata, keberanian diperlukan untuk menangani secara berkesan ketidakadilan terhadap rakyat Palestin yang menderita sejak 1948.

"Berdekad-dekad bebas

tanpa hukuman dan penyahmanusiaan secara sistematik terhadap penduduk Palestin telah mendorong kepada peningkatan keganasan, memperluas penempatan haram dan peningkatan pencabulan hak asasi.

"Kekecewaan dan kemarahan dirasai rakyat Palestin turut dirasai umat Islam di seluruh dunia. Jika dunia terus tidak ambil peduli terhadap penderitaan rakyat Palestin, kita berisiko berdepan dengan satu lagi malapetaka di wilayah diduduki rakyat Palestin.

"Kita gagal mendukung hak untuk menentukan nasib sendiri yang menjadi asas Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu ketika diwujudkan 70 tahun lalu," kata Najib.

Dalam hal ini, memandangkan tindakan Rosh

Hashanah menceroboh Masjid Al-Aqsa di Baitulmaqdis dan serangan terhadap jemaah masjid itu tiga minggu lalu, beliau menggesa kerajaan Israel agar mendukung prinsip tertinggi Judaisme dan mesej penting dalam kitab Taurat.

Najib berkata, Israel menggunakan kuasanya secara paksa untuk menguasai tempat ketiga paling suci dalam Islam - sebagai bantahan terhadap bidang kuasa Raja Abdullah dari Jordan sebagai penjaga sah.

"Oleh itu, menjadi kewajiban Israel untuk memudahkan umat Islam dari seluruh dunia menziarahi tempat berkenaan.

Ini adalah impian dan doa setiap umat Islam untuk mengunjunginya sekurang-kurangnya sekali da-

lam hayat mereka," katanya.

Dalam beberapa minggu kebelakangan ini, pertempuran antara jemaah Palestin dan tentera Israel dilaporkan berlaku setiap hari di Masjid Al-Aqsa.

Rabu lalu, untuk pertama kali dalam sejarah, bendera Palestin dinaikkan di Ibu Pejabat PBB selepas pihak berkuasa Palestin memperoleh status pemerhati bukan anggota badan dunia itu pada 2012.

Mengenai IS, Najib berkata, Malaysia menganggap masalah militan dengan cukup serius dengan dua-dua pengikut yang berhasrat menggunakan Kuala Lumpur sebagai tempat transit dan mereka yang mahu menyemai benih keganasan dan kemusnahan di tanah air. -BERNAMA